Volume: 7 Issues: 44 [March, 2022] pp. 112 - 122]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074411

KESEDARAN MEMBAYAR ZAKAT FITRAH MENGIKUT KADAR HARGA BERAS YANG DIMAKAN: TINJAUAN DI ZAKAT PULAU PINANG (ZPP)

THE AWARENESS OF PAYING ZAKAT FITRAH ACCORDING TO THE PRICE OF RICE CONSUMED: A SURVEY ON ZAKAT PULAU PINANG (ZPP)

Ahmad Termizi[1]
'Imaaduddin Abdul Halim[2]
Sofwan Hasbullah[3]
Zulkifli Dahlan[4]

[1]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia, (E-mail: ahmadtermizi8780@uitm.edu.my)
[2]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia, (Email: imaaduddin@uitm.edu.my)
[3]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia, (Email: sofwan423@uitm.edu.my)
[4]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia, (Email: zuldahl@uitm.edu.my)

Article history

Received date	:	14-3-2022
Revised date	:	15-3-2022
Accepted date	:	12-4-2022
Published date	:	13-4-2022

To cite this document:
Termizi, 'Imaaduddin, Sofwan & Zulkifli (2022). Kesedaran Membayar Zakat Fitrah Mengikut Kadar Harga Beras Yang Dimakan: Tinjauan Di Zakat Pulau Pinang (ZPP). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(44), 112 - 122.

Abstrak: *Zakat fitrah ialah zakat diri yang difardhukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Ia merupakan suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan di bulan Ramadhan sehingga sebelum mengerjakan solat Aidilfitri pada satu Syawal. Objektif kajian ini adalah untuk melihat kesedaran membayar zakat fitrah mengikut harga beras yang di makan oleh masyarakat Islam di Pulau Pinang dengan menggunakan data 2021. Pembayaran zakat fitrah mengikut kadar beras yang dimakan adalah merupakan satu ketetapan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang dan telah diperkenankan oleh kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Kadar yang ditetapkan berdasarkan tiga kadar mengikut beras yang dimakan. Umat Islam yang berkemampuan digalakan untuk menunaikan kewajipan zakat fitrah mengikut kadar yang ditetapkan. Walaubagaimanapun bagi golongan yang tidak berkemampuan dan mempunyai tanggungan ramai boleh membuat bayaran zakat fitrah pada kadar yang terendah seperti ditetapkan.*

Kata Kunci: *Zakat fitrah, Kadar beras yang dimakan*

Volume: 7 Issues: 44 [March, 2022] pp. 112 - 122]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074411

Abstract: *Zakat fitrah is obligatory alms paid by every able Muslim man and woman with the given conditions. It is an obligation performed in the month of Ramadan until before performing the Eid prayers on the first of Syawal. The objective of this study is to see the awareness of paying zakat fitrah according to the price of rice consumed by the Muslim community in Penang by using data 2021. The payment of zakat fitrah following the rate of rice consumed is a decision made by the Penang Fatwa Committee and has been approved by His Majesty, the Yang Di Pertuan Agong. The rate is set based on three rates according to the rice consumed. Able Muslims are encouraged to fulfil the obligation of zakat fitrah according to the prescribed rate. However, for those who cannot afford it and have many dependents, they can pay zakat fitrah at the lowest rate as prescribed.*

Keywords: *Zakat Fitrah, Rate of rice consumed*

Pendahuluan

Zakat merupakan rukun Islam yang perlu dilaksanakan oleh umatnya setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Menurut pendapat jumhur ulama pensyariatan zakat bermula pada tahun kedua setelah Baginda Rasullullah SAW berhijrah ke Madinah tidak berapa lama sebelum puasa ramadhan difardhukan (Hamizul, 2012). Allah mewajibkan umat Islam untuk mengeluarkan sebahagian harta mereka melalui tuntutan zakat, ianya bertujuan untuk membersihkan diri dan menyuburkan harta pembayar zakat berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud :

> "Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk)
>
> (Surah at-Taubah, 9:103)

Amalan berzakat membentuk insan yang bersifat pemurah. Amalan berzakat juga boleh menghindar sifat kedekut dan unsur-unsur bakhil. Hakikatnya dapat dirasai oleh pengeluar zakat dan dia juga menyedari bahawa zakat itu lebih ketara kepada penambahan harta daripada menguranginya (Patmawati, 2008). Sebagaimana yang ditegaskan oleh Baginda Rasulullah SAW:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ

Riwayat Muslim (2588)

Maksudnya: *"Zakat itu tidak mengurangi harta."*

Zakat mengeratkan hubungan persaudaraan dan kasih sayang antara pengeluar zakat dengan komuniti masyarakat. Setiap orang Islam berkemampuan diwajibkan mengeluarkan zakat kepada pihak yang berhak menerimanya. Ianya dapat dilihat betapa eratnya jalinan kasih sayang sesama individu di kalangan orang Islam dan masyarakat keseluruhannya

Zakat berperanan sebagai instrumen untuk menjamin dan memastikan kelangsungan sesebuah anggota masyarakat itu menjadi lebih sempurna serta ianya juga dapat mengawal masyarakat daripada jurang perbezaan taraf sosial yang ketara.

Zakat memainkan peranan penting dalam menangani masalah pengangguran. Antara sebab utama yang menyumbang kepada pengangguran ialah kemiskinan. Orang yang miskin tidak

Volume: 7 Issues: 44 [March, 2022] pp. 112 - 122]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074411

mempunyai modal yang minimum untuk menjalankan sesuatu perusahaan atau pekerjaan. Oleh itu, jika sistem zakat berjalan mengikut haknya, sudah tentu orang yang miskin berhak menerima bahagiannya dan membolehkan mereka menjalankan perusahaan yang dirancang sesuai dengan kemahiran dan kelayakan yang ada pada mereka.

Zakat merupakan satu terapi untuk membersihkan hati daripada sifat keji yang memberi kesan kepada masyarakat, iaitu sifat berdendam, iri hati dan hasad dengki. Bagaimanapun sifat tersebut akan menjadi barah dalam masyarakat jika tiada lagi sifat berkasih sayang, tolong-menolong dan saling bersimpati. Fenomena ini bukan hanya propaganda yang dilaung-laungkan sahaja, malah ia telah menjadi satu realiti yang nyata dan bukan fantasi yang direka. Apabila zakat dilaksanakan, hasilnya akan jelas kelihatan dan memberi kesan yang menakjubkan. Kerana ia dapat membersihkan jiwa daripada sifat hasad dengki dan iri hati serta mengeratkan hubungan persaudaraan sesame muslim meskipun mereka berbeza dari segi kemewahan dan kekayaan. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا

(Surah al-Taubah: 103)

> Maksudnya: *"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk).*

Ibn Abbas R.A menjelaskan bahawasanya setiap kalimah صدقة di dalam al-Quran adalah lebih *aula* difahami dengan makna zakat yang wajib.

Syeikh Ali al-Jarjawi dalam bukunya, *Hikmah al-Tasyri' wa Falsafatuhu* berkata: *"Antara hikmah menunaikan zakat ialah membawa kepada keamanan dalam negara. Beliau memberi banyak alasan dan hujah bagi membenarkan kenyataan tersebut yang jelas menunjukkan bala menimpa masyarakat, negeri, negara dan tempat di mana pengabaian untuk mengeluarkan zakat berlaku. Natijah yang lebih parah lagi membawa kepada pembunuhan, jenayah, pencurian dan juga ramai yang ditangkap dan dimasukkan ke penjara kerana sebab harta benda dan kewangan."*

Zakat Fitrah

Zakat Fitrah ialah zakat diri yang difardhukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Ia adalah kewajipan yang dilaksanakan di bulan Ramadhan sehingga sebelum melaksanakan solat Aidilfitri pada satu syawal. (Zamzuri Zakariya, 2006) Ia bertujuan membersih dan menyucikan jiwa mereka yang berpuasa daripada perkara yang sia-sia. Pembayaran yang dilakukan selepas terlaksananya solat Aidilfitri, tidak lagi dinamakan zakat fitrah (al-Qardawi, 1998). Kewajipan membayar zakat fitrah ini dapat membersihkan diri dan menyucikan amalan individu pada bulan Ramadhan bersesuaian dengan konsep ayat yang memfardukan berpuasa untuk melahirkan insan yang bertakwa dan seterusnya mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

Kadar pembayaran zakat fitrah bagi setiap negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan ketentuan oleh Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah membincangkan Cara Penetapan Harga Zakat Fitrah Seluruh Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Volume: 7 Issues: 44 [March, 2022] pp. 112 - 122]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074411

Harga zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS bagi beras Super Tempatan Gred A mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.60 kg (e-Muamalat.islam.gov.my)

Amalan perlaksanaan zakat fitrah di negara ini ditunaikan dengan nilai mata wang bagi menggantikan satu gantang beras bagi setiap orang Islam yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam negeri-negeri, keadaan ini menyebabkan terdapat perbezaan kadar di negeri-negeri disebabkan penetapan asas timbangan bagi satu gantang beras dan jenis beras yang ditentukan. Harga beras tempatan di Semenanjung Malaysia dikawal dan diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) (Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Pulau Pinang, 2018).

Sejarah Penubuhan Zakat Pulau Pinang

Di peringkat awal penubuhan, bidang kuasa Zakat Pulau Pinang (ZPP) hanyalah sekadar mengumpulkan zakat harta di sekitar Pulau Pinang dan Seberang Perai. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) masih memainkan peranan untuk mengumpulkan zakat fitrah dan mengagihkan dana zakat di Pulau Pinang.

Namun, kejayaan Zakat Pulau Pinang meningkatkan kutipan zakat harta dari RM 0.19 juta pada tahun 1994 kepada RM 9.36 juta pada tahun 1998 telah meyakinkan MAINPP bahawasanya Zakat Pulau Pinang amat berpotensi untuk menguruskan operasi kutipan dan agihan zakat (Zakatpenang.com).

Pada bulan Mac 1999, MAINPP telah memberi kepercayaan penuh kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP) untuk mengendalikan sepenuhnya kedua-dua operasi kutipan dan agihan zakat bagi Pulau Pinang dan juga kutipan dan agihan zakat fitrah (Zakatpenang.com).

Zakat Pulau Pinang telah menjangkau usia 22 tahun dalam menguruskan pentadbiran pengurusan zakat secara menyeluruh. Sehingga kini ZPP memiliki 8 kaunter zakat yang beroperasi di seluruh negeri Pulau Pinang bagi memudahkan urusan kutipan dan agihan serta memudahkan lagi bagi orang ramai untuk mendapat maklumat (Zakatpenang.com).

Bermula pada tahun 1441H/2020M Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menetapkan dua kadar bayaran zakat fitrah di negeri ini iaitu RM7 dan RM16 mengikut kemampuan individu. Kadar ini ditetapkan setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang dan diperkenankan oleh Yang di- Pertuan Agong.

Yang Dipertua MAINPP, Datuk Ir Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, penetapan dua kadar bayaran itu untuk memberi peluang kepada umat Islam yang memiliki kemampuan untuk menunaikan zakat fitrah pada kadar RM16.

Menurutnya, bagi mereka yang tidak berkemampuan dan mempunyai banyak tanggungan boleh membayar zakat fitrah pada kadar RM7 seperti tahun lalu. MAINPP juga menyedari bahawa penularan wabak Covid-19 yang masih belum pulih sejak beberapa minggu lalu memberi kesan kepada pendapatan isi rumah sebahagian umat Islam di negeri ini (Nur Izzati, 2020).

Pada tahun 1442H/2021M Majlis Agama Islam Pulau Pinang sekali lagi membuat penetapan kepada 3 kadar bayaran zakat fitrah iaitu RM7, RM12 dan RM16. Ketetapan kadar ini

Volume: 7 Issues: 44 [March, 2022] pp. 112 - 122]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074411

dilaksanakan setelah memperolehi kelulusan Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang dan diperkenankan Yang di-Pertuan Agong.

Rincian Nilai zakat fitrah bagi negeri Pulau Pinang pada tahun 1442H / 2021 M:

1. RM7.00
Bagi kumpulan majoriti yang memakan beras jenis *Special* Tempatan 5%, Super Special Tempatan 10%, Beras Tempatan *Standard*, Beras Tempatan Premium, *Thai White Rice*, Vietnam *White Rice*, Pakistan *White Rice* atau lain-lain setara dengannya.

2. RM12.00
Bagi kumpulan yang memakan beras wangi, beras pulut dan beras *Calrose/Poney* atau setara dengannya;

3. RM16.00
Bagi kumpulan yang memakan beras jenis berkualiti tinggi seperti Beras Basmathi dan setara dengannya (Zakatpenang.com).

Menurut Yang Dipertua MAINPP, Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, ia akan memberi peluang kepada umat Islam yang lebih berkemampuan di negeri ini, untuk menunaikan kewajipan zakat fitrah pada kadar tertinggi RM16. Walaubagaimanapun bagi golongan yang tidak berkemampuan dan mempunyai tanggungan ramai boleh membuat bayaran zakat fitrah pada kadar RM7 seperti ditetapkan pada tahun lalu (Mohd Iskandar, 2021).

Menurut Pengurus Bahagian Fitrah dan Kafalah (Mohd Shahril, Google Meet, 16 Februari 2022) penetapan tiga kadar bayaran adalah berpandukan kepada staistik yang dikeluarkan oleh Bernas. Menurut beliau lagi ketogari beras biasa adalah sebanyak 46% daripada penduduk Pulau Pinang yang memakan Special Tempatan 5%, Super Special Tempatan 10%, Manakala beras wangi dan beras pulut merangkumi 11% kepada seluruh penduduk Pulau Pinang dan Beras Basmathi merangkumi 10% menurut Ustaz Mohd Sharil peningkatan peratusan ini menunjukkan bahawa wajar ditetapkan kadar zakat fitrah dengan harga tertentu.

Kesedaran masyarakat tentang bayaran zakat fitrah mengikut beras yang dimakan amat penting kerana hasil kutipan zakat fitrah akan dapat diagihkan kepada asnaf yang memerlukan serta dapat membantu memenuhi keperluan hidup golongan yang memerlukan supaya terhindar dari perkara-perkara keji.

Pernyataan Masalah

Penetapan kadar baru zakat fitrah adalah hasil daripada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Walaubagaimanapun penetapan kadar zakat fitrah adalah dibawah bidang kuasa negeri masing-masing. Beberapa isu yang perlu diketahui berkaitan dengan zakat fitrah adalah seperti terdapat pelbagai jenis dan harga beras yang berbeza dalam pasaran dan digunakan oleh isi rumah. Keduanya kadar fitrah yang digunakan semasa merupakan nilai tukaran daripada timbangan asal iaitu timbangan satu gantang Baghdad (Nurul Faidatul et al., 2021).

Kedua-dua isu ini perlu didedahkan kepada masyarakat supaya mereka bersedia dan patuh menunaikan zakat fitrah mengikut ketetapan yang ditetapkan. Pemahaman terhadap isu ini dapat membuka minda golongan masyarakat untuk mengetahui keperluan membayar zakat

Volume: 7 Issues: 44 [March, 2022] pp. 112 - 122]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074411

fitrah bersesuaian dengan harga beras yang di makan. Rentetan wujud perubahan dalam penetapan kadar zakat fitrah, maka pengetahuan dan kesedaran masyarakat amat penting.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat kesedaran membayar zakat fitrah mengikut harga beras yang di makan oleh masyarakat Islam di Pulau Pinang dengan menggunakan data 2018, 2019, 2020 dan 2021. Pengukuran menggunakan data zakat fitrah dipilih adalah disebabkan penetapan kadar baru mengikut beras yang di makan berdasarkan kelulusan Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang. Keputusan hasil kajian ini dapat membantu Zakat Pulau Pinang khususnya dalam meningkatkan kesedaran masyarakat Islam di Pulau Pinang untuk membayar zakat fitrah mengikut kadar yang ditetapkan berdasarkan beras yang di makan oleh ahli keluarga.

Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini membincangkan dapatan berdasarkan tinjauan literatur dan analisa daripada data hasil perolehan kutipan zakat fitrah Pulau Pinang antara tahun 2018 sehingga 2021. Data ini diambil dari laporan zakat fitrah yang diperolehi di Zakat Pulau Pinang.

Kajian Literatur

Kesedaran membayar zakat fitrah mengikut jenis dan harga beras yang dimakan adalah merupakan satu pendekatan baru yang dikeluarkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang dilhat sebagai satu inisiatif bagi meningkatkan bayaran zakat fitrah serta dapat memberi kesedaran terhadap kepentingan membayar zakat. Tiada kajian khusus berkaitan galakan ini. Walaubagaimanapun terdapat teori zakat fitrah dan promosi zakat ada dibincangkan oleh penyelidik sebelum ini. Tanggungjawab untuk memberi kesedaran terutamanya berkaitan dengan perlaksanaan zakat fitrah sewajarnya dimainkan oleh setiap individu bukannya pihak tertentu sahaja yang bertanggungjawab sepenuhnya. Ini dibuktikan dengan kajian kes oleh Yahya, Fidlizan dan Mohamad (2013).

Aspek kutipan dan pengagihan zakat merupakan perkara yang banyak dikaji oleh para pengkaji zakat. Prestasi kutipan zakat tidak dinafikan telah mengalami peningkatan setiap tahun. Kajian oleh Mohd Ali, Hairunnizam dan Nor Ghani (2004). Hasil kajian mereka menunjukkan faktor kecekapan institusi pengurusan zakat adalah signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan. Ini membuktikan bahawa faktor sikap amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat berbanding faktor institusi. Pendapat ini adalah selari dengan kajian Kamil, Chek Derashid dan Engku Ismail (1997).

Qardawi (2011) dalam bukunya *fiqh al-Zakat* ada menyatakan bahawa zakat fitrah tidak disyaratkan ke atas harta peribadi mahupun hasil pendapatan, namun ianya dikenakan ke atas setiap individu muslim itu sendiri. Terdapat perbezaan antara zakat fitrah dan zakat harta. Ini menjadi satu bukti bahawa bukan seseorang yang berharta sahaja wajib membayar zakat fitrah, malahan sekiranya individu tersebut adalah asnaf atau penerima zakat diwajibkan membayar zakat fitrah untuk diri dan keluarganya Hairunnizam, Mohd Ali dan Sanep (2005).

Keberkesanan kaedah pengagihan zakat juga merupakan perkara yang amat penting dan tahap kecekapan institusi zakat antara negeri juga berbeza (Abdullah, 1999). Oleh itu penguatkuasaan adalah penting bagi memastikan tiada anggota masyarakat yang terlepas dari melaksanakan tanggungjawab ini.

Volume: 7 Issues: 44 [March, 2022] pp. 112 - 122]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074411

Berdasarkan kajian Ram al Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md Idris dan Md Hairi Md Hussain (2010), Institusi zakat perlu membina penerimaan positif masyarakat dengan meningkatkan ketelusan dan pendedahan secara menyeluruh mengenai segala urusan berkaitan zakat yang sedang atau akan dilaksanakan. Kerana ianya mampu untuk mengurangkan rasa bimbang dan was-was terhadap institusi zakat.

Berdasarkan kajian Sayidah Nafisah Abdul Rahman (2019) lima faktor yang dikenalpasti sebagai penyebab kesedaran membayar zakat mengikut kadar beras yang dimakan adalah disebabkan beberapa faktor antaranya ilmu pengetahuan, niat, nilai kemanusiaan, keyakinan kepada institusi zakat dan peranan amil kesemua faktor adalah merupakan penyumbang kepada peningkatan pembayaran zakat fitrah di Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Hasil Kajian

Berdasarkan data yang diperolehi daripada pihak Zakat Pulau Pinang (ZPP), kutipan zakat fitrah di Pulau Pinang telah menunjukkan peningkatan yang membanggakan dari tahun 2018 sehingga 2021.

Jadual 1: Jumlah Kutipan Zakat Fitrah Bagi Tahun 2018 – 2021
(Sumber: Laporan Tahunan Zakat Fitrah 2021)

TAHUN	KUTIPAN (RM)	BEZA (RM)	KADAR PERATUSAN KUTIPAN %	PEMBAYAR (ORANG)	BEZA (PEMBAYAR)	KADAR PENINGKATAN PERATUSAN PEMBAYAR %
2018	4,907,455.00	92,722.00	1.93	701,065	13,246	1.93
2019	5,066,040.00	158585.00	3.23	723,720	22,655	3.23
2020	5,560,586.81,	494,546.81	9.76	756,948	33,228	4.59
2021	6,020,413.68	459,826.87	8.27	775,422	18,474	2.44



Jadual di atas merupakan data terkini yang diperolehi daripada pihak Zakat Pulau Pinang dan jelas menunjukkan peningkatan yang positif setiap tahun. Berdasarkan data tersebut, seramai 775,422 (Tujuh ratus tujuh puluh lima ribu empat ratus dua puluh dua orang) yang telah melaksanakan tanggungjawab dalam menunaikan zakat fitrah bagi tahun 2021 berbanding

Volume: 7 Issues: 44 [March, 2022] pp. 112 - 122]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074411

dengan tahun tahun sebelumnya. Peningkatan ini telah mempengaruhi jumlah kutipan zakat fitrah di Pulau Pinang. Di antara faktor kepada peningkatan jumlah pembayar zakat di Pulau Pinang adalah ramai dikalangan perantauan yang tidak pulang ke kampung halaman untuk menyambut lebaran bersama keluarga di sebabkan batasan pergerakan (PKP) semasa covid-19. Diantara faktor lain juga adalah pada tahun 2021 pihak Jawatan Kuasa Fatwa Pulau Pinang telah menetapkan kadar baharu kepada 3 kadar zakat fitrah bagi tahun 1442H/2021M.

Jadual 2: Jumlah Ringkasan Kutipan Zakat Fitrah Bagi Tahun 2021 berdasarkan kadar yang ditetapkan serta kaedah bayaran yang diterima secara kupon dan online.

KADAR ZAKAT	HASIL KUTIPAN	PERATUS KUTIPAN	BILANGAN PEMBAYAR	PERATUS PEMBAYAR
KADAR RM 7.00	4,511,927.00	74.94	644,521	83.11
KADAR RM 12.00	415,740.00	6.91	34,645	4.47
KADAR RM 16.00	557,104.00	9.25	34,819	4.49
ONLINE	535,642.68	8.90	61,437	7.93
JUMLAH	**6,020,413.68**		**775,422**	

Berdasarkan jadual 2 dapat kita lihat peratusan pembayar zakat fitrah mengikut kadar RM 7 adalah sebanyak 83.11. Manakala peratusan pembayar zakat fitrah mengikut kadar RM12 sebanyak 4.47 peratus. Manakala pembayar zakat fitrah dengan kadar RM 16 sebanyak 4.49 peratus. Peratusan kadar di atas adalah berdasarkan pembayaran secara berkupon melalui amil-amil yang dilantik oleh Zakat Pulau Pinang. Manakala 7.93 peratus membuat pembayaran zakat fitrah secara atas talian.

Bagi mereka yang ingin membayar zakat fitrah secara atas talian (online),pihak Zakat Pulau Pinang telah menyediakan 6 kaedah bayaran yang boleh dibuat sebagaimana berikut (Zakat Penang.com):

1. Melalui Portal zakatpenang2u.com
2. Melalui Kod QR zakatpenang2u.com (open payment)
3. Menggunakan aplikasi TULUS https://app.tulus.my/zakat
4. Menggunakan aplikasi GoPAYZ http://bit.ly/GoPayz
5. Perbankan internet maybank2u.com.my @ CIMB Click
6. Perkhidmatan MyEG https://www.myeg.com.my/

Jadual 3: Jumlah Ringkasan Kutipan Zakat Fitrah Bagi Tahun 2021 (ONLINE)

ONLINE	
E-WALLET	4,314.00
TULUS	21,650.00
INTERNET BANKING	261,363.68
BMMB	4,592.00
KAUNTER ZPP	725.00
FPX (PORTAL)	229,149.00
JOMPAY (PORTAL)	13,849.00
JUMLAH	**535,642.68**

Volume: 7 Issues: 44 [March, 2022] pp. 112 - 122]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074411

Jadual 3 menunjukkan jumlah pembayar zakat fitrah yang menggunakan kaedah pembayaran secara atas talian (online) seperti yang disediakan oleh pihak Zakat Pulau Pinang. Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat bahawa kaedah pembayaran secara internet banking lebih digunakan oleh pembayar zakat fitrah pada tahun 2021.

Perbincangan Dan Implikasi Dasar

Kajian ini menimbulkan beberapa implikasi penting yang boleh ditambah baik dan dipergiatkan. Diantara cadangan adalah dengan memberi peringatan melalui sistem pesanan ringkas atau sms *blast* khususnya kepada pembayar zakat yang telah membuat bayaran zakat kepada ZPP melalui potongan gaji secara bulanan serta asnaf zakat yang menerima bantuan zakat Pulau Pinang. Langkah ini sebagai suatu peringatan kepada umat Islam supaya cakna dengan pembayaran zakat fitrah pada bulan Ramadhan.

Bagi merancakkan lagi kutipan zakat secara umumnya di Pulau Pinang pihak ZPP telah melaksanakan "Kempen Berzakat Selaras Norma Baharu Peringkat Negeri Pulau Pinang" Menurut Ketua Eksekutif ZPP Tuan Amran Hazali kempen yang diadakan secara digital iaitu promosi dan dakwah zakat melalui medium baharu antaranya Facebook, TikTok, Instagram, Twitter dan beberapa lagi yang bersesuaian selaras dengan norma baharu. Tujuan utama kempen ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan lagi kesedaran berzakat umumnya dalam kalangan umat Islam. Menurut beliau lagi, walaubagaimanapun kaedah kempen secara konvensioanal masih dilaksanakan.(Syajaratulhuda, 2021).

Penghuraian permasalahan zakat di dalam ceramah dan khutbah masih diteruskan, bukan sahaja tertumpu kepada bulan Ramadhan supaya informasi ini secara berterusan agar mereka lebih cakna berkaitan zakat khususnya zakat fitrah. Hebahan khususnya zakat fitrah telah dipergiatkan dengan menyediakan pelbagai platform penyampaian.

Melangkah ke arah Revolusi Industri 4.0, kini dapat dilihat pihak ZPP bergerak secara proaktif dalam memastikan segala maklumat berkaitan data zakat dapat dicapai dengan mudah oleh pengguna. Promosi yang berkesan dan efektif melalui media sosial yang sering digunapakai sebagai medium penyampaian maklumat kepada generasi masa kini. Usaha ini amat baik kerana ianya dapat memberi keyakinan masyarakat kepada institusi zakat dan mengelakkan masyarakat membayar zakat terus kepada asnaf. Pembayaran zakat terus kepada asnaf boleh menyebabkan agihan zakat tidak sekata dan boleh menyebabkan golongan fakir dan miskin sahaja yang menerima bantuan dan mengabaikan golongan asnaf yang lain seperti *Al-Ghorimin, Al-Riqab, Al-Muallaf, Ibnu Sabil* dan *Fi-Sabillillah*.

Amil-amil yang dilantik juga perlu diberi pendedahan berkaitan info zakat kerana mereka adalah sebahagian daripada penyampai maklumat berkaitan zakat khususnya di Pulau Pinang. Mereka perlu diberi latihan bukan sekadar bertugas sebagai pengutip zakat sahaja tetapi perlu dibekalkan informasi terkini berkaitan zakat di Pulau Pinang. Langkah ini perlu kerana amil yang dilantik mencerminkan identiti perantara diantara institusi zakat dengan masyarakat.

Kakitangan Zakat Pulau Pinang juga memainkan peranan dengan memberi bimbingan dalam ilmu berkaitan zakat kepada kelompok masyarakat diluar sana. Asnaf juga perlu diingatkan agar mereka juga tidak terlepas daripada kewajipan zakat fitrah dan seterusnya berusaha agar keluar daripada kelompok asnaf zakat supaya suatu hari nanti mereka juga mampu untuk mengeluarkan zakat. Ini kerana terdapat asnaf yang beranggapan bahawa mereka terlepas

Volume: 7 Issues: 44 [March, 2022] pp. 112 - 122]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074411

daripada mengeluarkan zakat kerana mereka termasuk golongan asnaf. Pemikiran ataupun stigma ini harus dihindarkan dengan memberi pemahaman yang jelas kepada asnaf tersebut.

Selain itu dapat juga dilihat tahap pendapatan serta perbelanjaan individu dan isi rumah juga mempengaruhi secara signifikan pembayaran zakat fitrah mengikut kadar yang ditetapkan. Menurut penjelasan yang dibuat oleh Mantan Pengurus Bahagian Fitrah dan Kafalah (Feroz, Google Meet, 16 Februari 2022) berdasarkan hasil kutipan zakat fitrah pada tahun 2021 mengikut kadar RM16 ada persamaan dengan statistik yang dikeluarkan oleh Bernas hasil jualan beras basmathi. Ini menunjukkan bahawa terdapat kesedaran dikalangan penduduk Pulau Pinang membayar zakat fitrah mengikut beras yang dimakan.

Kesimpulan

Kesedaran masyarakat membayar zakat fitrah berdasarkan beras yang dimakan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang adalah penting kerana ia merupakan penyumbang utama kepada agihan keperluan bagi golongan fakir miskin khususnya untuk menyambut kehadiran syawal. Kaedah kempen berzakat selaras norma baharu yang dijalankan oleh ZPP sedikit sebanyak berjaya menyebarkan informasi dan memenuhi objektif. Usaha yang dijalankan oleh ZPP adalah amat baik dan perlu diteruskan ldan dipergiatkan lagi. Kesedaran masyarakat untuk membayar zakat fitrah mengikut jenis beras yang dimakan secara tidak langsung memberikan dana tambahan kepada institusi zakat. Dengan dana yang diperolehi dapat membantu asnaf zakat bagi sama-sama menyambut lebaran dalam keadaan yang lebih ceria.

Kempen berzakat selaras norma baru yang dilaksanakan oleh ZPP perlu dipergiatkan lagi supaya masyarakat lebih memahami tentang pembayaran zakat fitrah mengikut kadar beras yang dimakan. Peningkatan hasil kutipan zakat fitrah akan dapat mewujudkan satu masyarakat yang saling mengambil berat antara sesama umat.

Rujukan

Abdullah Ibrahim, (1999). Agihan Zakat menurut prinsip siasah shariyyah. Kertas Kerja dibentang dalam Kolokium Keberkesanan Zakat Negeri Selangor, Shah Alam

Al-Jurjani, A. A. (2003). *Hikmah al-tasyri' wafalsafatu*. (Juz 1). Darul Fikri: Beirut.

Al-Qardawi, Y. (1998). *Hukum zakat* (terj. Harun, S., Hafidhuddin. D. & Hassanuddin, Pustaka Nasional Pte. Ltd.: Singapura.

Al-Qardawi, Y. (2011) *Fiqh al-Zakat: a comprehensive study of zakah requlation and philosophy in the light of the Quran and Sunnah*. Shah Alam: Angkatan Edaran Enterprise Sdn Bhd.

Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Pulau Pinang (2018). Himpunan Hukum: Zakat (Koleksi Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang). Jabatan Mufti, Pulau Pinang.

Hamid, H. A. (2012). *Eksklusif Zakat*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

Hamizul Abdul Hamid (2012) Eksklusif Zakat. Galeri Ilmu Sdn. Bhd : Selangor

Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, Sanep Ahmad (2005) Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya ? International Journal of Manaqement Studies, 12(2) pp.171-189

Https://e-muamalat.islam.gov.my/ms/.

Https://mufti.penang.gov.my/.../bahagian-penyelidikan-pembangunan-fatwa.

Https://v2.zakatpenang.com/.

Ibrahim, A. (1999). Agihan Zakat menurut prinsip siasah shariyyah. *Kolokium Keberkesanan Zakat Negeri Selangor*, Shah Alam.

Volume: 7 Issues: 44 [March, 2022] pp. 112 - 122]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.074411

Ibrahim, P. (2008). Pembangunan ekonomi melalui agihan zakat: tinjauan empirikal. *Jurnal Syariah, 16*(2). 223-244.

Idris, K.M., Derashid, C. & Ismail, E. (1997). Zakat penggajian: suatu tinjauan terhadap pengetahuan dan amalan muslimin negeri Perlis. *Seminar Penyelidikan Universiti,* Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.

Mohamad, N. I (2020, 9 April). Dua kadar zakat fitrah di Pulau Pinang. *Sinar Harian*. https://api.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/564378/dua-kadar-zakat-fitrah-di-pulau-pinang.

Noor, M. A. M., Wahid, H. & Nor, M. G. M. (2004). Kesedaran membayar zakat pendapatan kakitangan profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Islamiyyat 26*(2). 59-68.

Nurul Faidatul, F. A. R., Fidlizan, M., Azila, A. R., Ahmad Zakirullah, M. S., Mohd Yahya, M. H. & Salwa, A. A. (2021). Konsep zakat fitrah: tinjauan dalam kalangan mahasiswa pengajian tinggi. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 8*(1). 117-124.

Othman, M. I. (2021, 8 April). Pulau Pinang tetapkan tiga kadar zakat fitrah. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/132579/EDISI/Pulau-Pinang-tetapkan-tiga-kadar-zakat-fitrah.

Patmawati Ibrahim (2008), Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal, Jurnal Syariah, Jil. 16 Bil. 2 h. 223-244

Rahman, S. N. A. & Wahid, H. (2019). Pembayaran zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan dan peranan amil kariah: satu kajian di daerah Hulu Langat, Selangor. *J Fatwa 17*(2).

Ram al-Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md. Idris dan Md Hairi Hussain, (2010). Faktor – Faktor yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan. Jurnal Syariah 17/3: 607-630

Rosli, S. M. (2021, 21 Disember). Kempen berzakat ZPP selaras norma baharu. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/179071/EDISI/Kempen-berzakat-ZPP-selaras-norma-baharu.

Saad, R. A., Bidin, Z., Idris, K. M. & Hussain, M. D. (2010). Faktor–faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat perniagaan. *Jurnal Syariah, 17*(3). 607-630.

Syaraf Annawawi, A. Z. Y. (t.th), *Sahih muslim*, (No. 2588) (Jil. 8). Kaherah: Darul Fikr.

Syajaratul huda,(2021,21 Disember) Kempen Berzakat ZPP selaras norma baharu. Sinar Harian.https://www.sinarharian.com.my/article/179071/EDISI/Kempen-berzakat-ZPP-selaras-norma-baharu.

Sayidah Nafisah Abdul Rahman & Hairunnizam Wahid, (2019). Pembayaran Zakat Fitrah Mengikut Harga Beras Yang Dimakan Dan Peranan Amil Kariah : Satu Kajian Di Daerah Hulu Langat, Selangor. J Fatwa Vol. 17 N0. 2 2019 (Special Edition)

Wahid, H., Noor, M. A. M. & Ahmad. S. (2005) Kesedaran membayar zakat: apakah faktor penentunya?. *International Journal of Manaqement Studies, 12* (2). 171-189.

Yahya, M., F, &. Ali, M. (2013) Kepatuhan membayar zakat: analisis kutipan dan ketirisan zakat fitrah di Selangor. *Jurnal Syariah, 21*(2). 191-206.

Zakariya, Z. (2006). *Zakat galian: sumber yang diitifaq dan diikhtilaf dalam zakat: pensyariatan, perekonomian dan perundangan* (edit. Ismail. A. G & Tahir, H. M.). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zakat Pulau Pinang (2021). *Laporan Zakat Fitrah Tahun 2021*. Zakat Pulau Pinang.